

---

## **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**

### **BILANGAN 10 TAHUN 2018**

---

## **POLISI PENGANUGERAHAN IJAZAH/DIPLOMA SECARA AEGROTAT DAN ANUMERTA**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
15 Ogos 2018

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

15 Ogos 2018

### **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK** **BILANGAN 10 TAHUN 2018**

### **POLISI PENGANUGERAHAN IJAZAH/DIPLOMA SECARA AEGROTAT DAN ANUMERTA**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-169 Bilangan 8/2018 yang bersidang pada 15 Ogos 2018 yang telah bersetuju meluluskan Kertas Cadangan Polisi Penganugerahan Ijazah/Diploma Secara Aegrotat dan Anumerta.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Universiti pada masa ini tidak mempunyai apa-apa dasar berkenaan penganugerahan ijazah/diploma kepada pelajar yang tidak menamatkan pengajian atau bergraduat kerana meninggal dunia atau hilang keupayaan kekal sewaktu dalam pengajian.
- 2.2 Oleh yang demikian, Bahagian Hal Ehwal Akademik telah mencadangkan satu Polisi Penganugerahan Ijazah/Diploma Secara Aegrotat dan Anumerta untuk diterima pakai sebagai dasar dan rujukan untuk pemberian ijazah/diploma kepada pelajar yang tidak menamatkan pengajian atas sebab-sebab di atas.

Setiap program pengajian yang ditawarkan perlu melalui proses semakan kurikulum apabila mencapai tempoh yang ditetapkan atau apabila ada perubahan terhadap struktur berkenaan.

- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Hadiah Kali Ke-33 Bilangan 2/2018 pada 6 Ogos 2018 telah meluluskan cadangan Kertas Cadangan Polisi Penganugerahan Ijazah/Diploma Secara Aegrotat dan Anumerta untuk mendapat kelulusan Senat.
- 2.3 Aeograt bermaksud pemberian status lulus dan memenuhi syarat bergraduat ijazah atau diploma kepada mana-mana pelajar yang tidak menamatkan pengajian pada peringkat yang ditetapkan dalam polisi kerana hilang keupayaan kekal atau meninggal dunia

- 2.4 Anumerta pula bermaksud penganugerahan ijazah atau diploma kepada seseorang pelajar selepas beliau meninggal dunia

### **3.0 KEPUTUSAN SENAT**

- 3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan keputusan seperti berikut:

**Kertas Cadangan Polisi Penganugerahan Ijazah/Diploma Secara Aegrotat dan Anumerta.**

- 3.2 Kertas Cadangan Polisi Penganugerahan Ijazah/Diploma Secara Aegrotat dan Anumerta seperti dalam LAMPIRAN A. Pemakaian polisi ini adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.

### **4.0 TARIKH KUASA KUASA**

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 15 Ogos 2018.

Sekian, terima kasih.

**“UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN”**

Yang benar,



**(SUHAILA SIDEK)**  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Hal Ehwal Akademik



## **LAMPIRAN A**

## **KERTAS CADANGAN POLISI PENGANUGERAHAN IJAZAH/DIPLOMA SECARA AEGROTAT DAN ANUMERTA**

### **1. TUJUAN**

Kertas ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Senat berkenaan cadangan penganugerahan Ijazah/Diploma secara aegrotat dan anumerta.

### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Universiti pada masa ini tidak mempunyai apa-apa dasar berkenaan penganugerahan ijazah/diploma kepada pelajar yang tidak menamatkan pengajian atau bergraduat kerana meninggal dunia atau hilang keupayaan kekal sewaktu dalam pengajian.
- 2.2 Oleh yang demikian, Bahagian Hal Ehwal Akademik telah mencadangkan satu Polisi Penganugerahan Ijazah/Diploma Secara Aegrotat dan Anumerta untuk diterima pakai sebagai dasar dan rujukan untuk pemberian ijazah/diploma kepada pelajar yang tidak menamatkan pengajian atas sebab-sebab di atas.

### **3. POLISI PENGANUGERAHAN IJAZAH/DIPLOMA SECARA AEGROTAT DAN ANUMERTA**

Cadangan Polisi Penganugerahan Ijazah/Diploma Secara Aegrotat dan Anumerta adalah seperti berikut:

#### **1.0 TUJUAN**

Polisi ini adalah bertujuan untuk menggariskan dasar penganugerahan sesuatu ijazah atau diploma secara aegrotat dan anumerta. Polisi ini digunakan bagi membantu Senat Universiti mempertimbangkan penganugerahan sesuatu ijazah secara aegrotat dan anumerta kepada mana-mana pelajar yang ketika tarikh kematian atau hilang keupayaan kekal, masih berdaftar dengan Universiti tanpa menjelaskan tanda aras atau *standard* prestasi akademik tertentu yang berkuatkuasa.

#### **2.0 SKOP**

Polisi ini digunakan bagi mana-mana pelajar yang meninggal dunia atau hilang keupayaan kekal sebelum menamatkan pengajian tetapi telah memenuhi sebahagian besar syarat penganugerahan. Kelayakan untuk memohon penganugerahan ijazah atau diploma di bawah polisi ini adalah terhapus jika sebab kematian atau hilang keupayaan kekal adalah kerana perlanggaran undang-undang oleh si mati atau pelajar.

### 3.0 DEFINISI

Perkara	Definisi
Aegrotat	bermaksud pemberian status lulus dan memenuhi syarat bergraduat sesuatu ijazah atau diploma kepada mana-mana pelajar yang tidak menamatkan pengajian pada peringkat yang ditetapkan dalam polisi ini kerana hilang keupayaan kekal atau meninggal dunia.
Anumerta	bermaksud penganugerahan sesuatu ijazah atau diploma kepada seseorang pelajar selepas beliau meninggal dunia.
Fakulti	bermaksud mana-mana Fakulti Universiti yang ditubuhkan menurut peruntukan seksyen 21(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris 1998
Ijazah/Diploma	bermaksud kelayakan akademik yang dianugerahkan oleh Senat Universiti setelah pelajar memenuhi syarat penganugerahan sesuatu program pengajian.
Hilang Keupayaan Kekal	bermaksud pelajar kehilangan daya untuk meneruskan pengajian secara kekal dan berterusan walaupun dengan bantuan tertentu.
Doktor Perubatan	bermaksud doktor di Pusat Kesihatan UPSI atau mana-mana hospital kerajaan yang ditugaskan untuk menilai tahap kesihatan pelajar.

### 4.0 KONTEKS PERUNDANGAN

Nama	Bahagian/ Rujukan
Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) 2008	
Peraturan Akademik Program Pengajian Siswazah	

### 5.0 ASPEK-ASPEK POLISI

#### 5.1 Kenyataan Polisi

Senat Universiti dengan pertimbangan dan perakuan Fakulti, boleh mengiktiraf prestasi akademik pelajar termasuk lain-lain faktor yang difikirkan relevan yang mampu menunjukkan sekiranya pelajar masih hidup atau masih sihat, mereka berupaya meneruskan pengajian dan berpotensi bergraduat. Berikut adalah kaedah pengiktirafan yang boleh dipertimbangkan oleh Senat mengikut situasi berikut:

Bil.	Situasi	Sijil Ijazah/Diploma & Transkrip	Penganugerahan
1	Pengesahan memenuhi syarat pengijazahan secara Aegrotat kepada pelajar yang hilang keupayaan kekal semasa dalam pengajian.	Tertera terma 'Aegrotat' seperti contoh skrol di lampiran manakala transkrip memaparkan keputusan pelajar sehingga yang terakhir.	Penganugerahan dalam Istiadat Konvokesyen atau apa-apa kaedah lain yang munasabah mengikut permintaan waris.
2	Pengesahan memenuhi syarat pengijazahan secara Aegrotat kepada pelajar yang meninggal dunia semasa dalam pengajian.		Penganugerahan secara anumerta dalam Istiadat Konvokesyen atau apa-apa kaedah lain yang munasabah mengikut permintaan waris.
3	Pengesahan pemberian status Anumerta bagi pelajar yang telah disahkan tamat pengajian tetapi sijil ijazah/diploma belum dianugerahkan.	Tiada perubahan	


#### 5.2 Kriteria Penganugerahan Aegrotat

- 5.2.1 Pelajar yang diperakui hilang keupayaan kekal atau kematian, dalam keadaan tertentu, boleh dipertimbangkan oleh Senat dengan perakuan Fakulti untuk diberikan Anugerah Aegrotat.

5.2.2	Penguruaan Aegrotat adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
a.	Pelajar Tahun Akhir yang telah melengkapkan sekurang-kurangnya 75% kursus dalam struktur pengajian yang telah didaftarkan.
b.	Pelajar program Sarjana Mod Kerja Kursus telah melengkapkan semua komponen kursus (dengan PNGK 3.00) dan telah mendaftar Kertas Projek.
c.	Pelajar program Sarjana Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus dan program Doktor Pendidikan telah melengkapkan sekurang-kurangnya 75% komponen kursus (dengan PNGK 3.00) dan telah menyerahkan disertasi awal kepada Institut Pengajian Siswazah untuk tujuan penilaian oleh pemeriksa disertasi.
d.	Pelajar program Sarjana Mod Penyelidikan dan program Doktor Falsafah telah menyerahkan tesis awal kepada Institut Pengajian Siswazah untuk tujuan penilaian oleh pemeriksa tesis.
e.	Status terakhir pelajar adalah 'aktif' sebelum kematian atau hilang keupayaan kekal.
f.	Permohonan yang tidak memenuhi kriteria di atas masih boleh dipertimbangkan oleh Senat dengan pertimbangan-pertimbangan lain yang munasabah.
5.2.3	Pelajar hanya boleh dianugerahkan Aegrotat sekali sahaja sepanjang pengajian.
5.2.4	Laporan Perubatan
a.	Dalam semua kes, masalah kesihatan tersebut perlu dilaporkan kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik seawal mungkin. Bahagian Hal Ehwal Akademik boleh mengarahkan pelajar untuk diperiksa oleh doktor perubatan dan membentangkan keputusan laporan kesihatan kepada Senat.
b.	Bayaran fi pemeriksaan tersebut (jika ada dikenakan) hendaklah dijelaskan sendiri oleh pelajar.
5.3	<b>Format Ijazah/Diploma</b>
	Format ijazah/diploma yang diberikan adalah sama dengan format yang diberikan kepada pelajar-pelajar lain tetapi dengan catatan " <b>Aegrotat</b> "
5.4	<b>Status Ijazah/Diploma</b>
5.4.1	<u>Ijazah/Diploma yang diberikan adalah berdasarkan ihsan dan sagu hati kepada waris pelajar atau pelajar.</u> Oleh yang demikian, ianya tidak sah digunakan untuk tujuan pekerjaan, melanjutkan pengajian dan sebagainya.
5.4.2	Transkrip yang diberikan akan mencatatkan rekod keputusan pengajian yang telah dilalui oleh si mati atau pelajar sehingga tarikh kematian atau hilang keupayaan kekal.
6.0	<b>PROSEDUR PERMOHONAN</b>
6.1	Fakulti membuat semakan sama ada pelajar/si mati layak untuk ditawarkan penganugerahan secara aegrotat.

- 6.2 Fakulti menyedia dan membentang kertas cadangan ke Mesyuarat Jawatankuasa Hadiah Universiti.
- 6.3 Fakulti membentang kertas cadangan yang telah diperakui oleh Jawatankuasa Hadiah ke Senat untuk kelulusan.
- 6.4 BHEA mengeluarkan keputusan penganugerahan kepada pelajar/waris.
- 6.5 Penganugerahan dilaksanakan.
- 6.6 Carta alir proses adalah seperti berikut:

**CARTA ALIR PENGANUGERAHAN  
IJAZAH/DIPLOMA SECARA AEGROTAT DAN ANUMERTA**



**4. PERAKUAN JAWATANKUASA**

Mesyuarat Jawatankuasa Hadiah Kali Ke-33 Bilangan 2/2018 pada 6 Ogos 2018 memperakukan cadangan penganugerahan Ijazah/Diploma secara Aegrotat dan Anumerta dibentang ke Senat untuk kelulusan.

**5. SYOR**

Senat dengan hormatnya dipohon untuk meluluskan kertas cadangan penganugerahan Ijazah/Diploma Secara Aegrotat dan Anumerta seperti yang dibentangkan.

